

45 Peserta Hadiri Bengkel Anjuran UPPSiKS

Terakhir dikemaskini: Isnin, 08 Julai 2019 15:50 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 256

[Syorkan 0](#) [Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



ISNIN, JULAI 8
Seramai 45 peserta menghadiri dua sesi bengkel anjuran Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPSiKS), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Bilik Seminar 5 FPP baru-baru ini.

Bengkel bertajuk

“Pembinaan dan Pengujian Modul” dan “Pembinaan Soal Selidik Kajian” dikendalikan penceramah berpengalaman, Prof. Dr. Sidek Mohd Noah.

Menurut Ketua Unit UPPSiKS, Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Bahari, Bengkel Pembinaan dan Pengujian Modul antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pembinaan modul yang berkesan, strategi pembinaan modul dengan menggunakan beberapa pendekatan, “Training of Trainers” (ToT) dan penggunaan teori dalam sesebuah modul agar modul yang dibentuk bersesuaian dengan bidang kajian masing-masing.

“Manakala Bengkel Pembinaan Soal Selidik Kajian pula adalah bagi memberi pengetahuan terhadap proses pembentukan alat ukuran, strategi pembinaan ujian psikologi dan kesahan dan kebolehpercayaan item yang bakal digunakan dalam kajian para peserta khususnya pelajar pascasiswazah.

“Penganjuran bengkel ini diharap mampu membantu peserta khususnya pelajar dalam menyelesaikan pengajian mereka, kami berhasrat untuk menganjurkan lebih banyak bengkel seperti ini pada masa akan datang,” ujar beliau.

Bengkel selama sehari itu dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada pensyarah UMS, pelajar pascasiswazah, pembantu penyelidik dan kakitangan pentadbiran UMS.